

# *Stop and Talk* ganding polis, orang awam

UM 116/2011 30



AHLI Kor Suksis UMS (kanan) menyampaikan cenderamata kepada penduduk pada program *Stop and Talk* di sekitar pekan Ranau, baru-baru ini.

RANAU 31 Mei - Seramai 35 ahli Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Malaysia Sabah (Kor Suksis UMS) telah mengadakan program *Stop and Talk* di sekitar pekan Ranau, baru-baru ini.

Program dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ranau itu bertujuan memberi pendedahan kepada ahli Kor Suksis UMS mengenai kepentingan hubungan antara polis dan orang awam.

Penyelia Program, Cif Inspektor Marinus James berkata, program seperti itu dapat mendedahkan pelajar mengenai peranan polis dalam kehidupan masyarakat setempat.

"Usaha seumpama ini pastinya memberi ruang dan peluang kepada para pelatih agar lebih bersedia bergaul dan beramah mesra dengan komuniti sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

"Ia telah mencapai objektifnya di mana para pelajar dilihat mampu beramah mesra dengan segenap lapisan masyarakat yang ditemui," katanya di sini, baru-baru ini.

Menurutnya, program tersebut adalah sebahagian daripada aktiviti pelatih Kor Suksis UMS untuk mendekati masyarakat di negeri ini.

Katanya, pada program itu, warga Kor Suksis UMS turut mendengar segala permasalahan masyarakat

6 Usaha seumpama ini pastinya memberi ruang dan peluang kepada para pelatih agar lebih bersedia bergaul dan beramah mesra dengan komuniti sebelum melangkah ke alam pekerjaan

CIF INSPEKTOR MARINUS JAMES  
Penyelia Program *Stop and Talk*

setempat seterusnya memberi nasihat dan kata-kata semangat.

Katanya, sempena program itu, ahli Kor Suksis UMS turut menghadiahkan cenderamata sebagai kenangan kepada masyarakat setempat yang ditemui.

Sementara itu, wakil Kor Suksis UMS, Fauziah Ali berkata, program itu ternyata memberi banyak pengalaman dan pengetahuan baru kepada pelatih Kor Suksis UMS.

"Kami bertuah kerana dipilih menyertai program ini yang begitu banyak memberi pengetahuan baru kepada kami," katanya.